

Usaha negara basmi kemiskinan diiktiraf PBB

UM-16/6/2007
PULAU PINANG 15 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, usaha Malaysia membasmi kemiskinan mendapat pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sehingga disenaraikan antara negara terbaik berjaya mengatasi masalah itu.

Menurut Perdana Menteri, pengiktirafan badan dunia itu berdasarkan kejayaan negara menurunkan kadar kemiskinan kepada hanya 5.7 peratus berbanding lebih 50 peratus ketika mencapai kemerdekaan pada 1957.

"Secara umumnya pembangunan hari ini jauh berbeza daripada dahulu walaupun diakui masih ada kemiskinan tetapi usaha membasminya akan diteruskan sehingga dapat diatasi sepenuhnya," katanya ketika berucap pada majlis makan malam Jubli Emas Liga Muslim Pulau Pinang di sini, malam ini.

Turut hadir Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon; Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Presiden Liga Muslim Pulau Pinang, Datuk Haja Najmudeen Kader.

Menurut Perdana Menteri, pencapaian ekonomi negara ketika ini begitu memberangsangkan yang dibuktikan menerusi urusan dagangan mencecah lebih RM1 trilion tahun lepas, berbanding hanya RM490 juta ketika beliau mula mengambil alih teraju pentadbiran negara pada 2003.

Pertumbuhan

Pada masa yang sama, katanya, sektor pembinaan turut menampakkan perkembangan positif apabila mencatatkan pertumbuhan empat peratus.

Beliau yakin kadar pertumbuhan itu akan terus menunjukkan peningkatan dengan adanya projek-projek pembangunan di koridor selatan, utara dan timur tanah air, yang mampu mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi negara.

Selain dagangan dan pembinaan, Abdullah turut menyentuh mengenai sektor perkhidmatan yang menurutnya mencatat pertumbuhan 19 peratus, sekali gus meletakkan Malaysia sebagai negara ketiga terbaik selepas China dan India.

"Saya percaya, kedudukan ekonomi kita akan terus bertambah kukuh dengan adanya sokongan rakyat yang disertai dengan usaha gigih mereka membantu membangunkan negara," jelasnya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut menyuarakan rasa bangganya dengan kemampuan Liga Muslim Pulau Pinang yang bertahan sehingga usia 50 tahun dan banyak terlibat dengan aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan.

Sehubungan itu, beliau berharap Liga Muslim Pulau Pinang dapat memberi penekanan bukan hanya untuk membantu ahlinya bahkan turut membuka peluang kepada orang ramai.